

Seriuskah wujudkan perpaduan?



**NIZAM
YATIM**

nizam.yatim@utusan.com.my

SESI Wacana Ilmuwan bertajuk *Negaraku Malaysia: Di mana, Ke mana Kita?* di Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini pada mulanya dianggap program rutin kerana topik hampir sama yang menyentuh mengenai perpaduan sering dibincangkan saban tahun menjelang tarikh sambutan Hari Malaysia pada 16 September.

Hari Malaysia bagi meraikan pembentukan gabungan Semenanjung Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah telah disambut sebanyak 54 kali sejak 1963.

Bagaimanapun, program anjuran Majlis Profesor Negara (MPN) yang penulis anggap biasa-biasa telah mencetuskan satu persoalan yang diharapkan kita semua dapat sama-sama mencari jalan penyelesaiannya.

Persoalan itu dilontarkan oleh pengacara Radio Televisyen Malaysia (RTM), Sayed Munawar Sayed Mohd. Mustar ketika menjadi moderator sesi wacana berkenaan.

Menurutnya, dalam tempoh 20 tahun beliau menjadi pengacara televisyen bagi mengulas isu-isu semasa, apakala hampir tiba Hari Malaysia, tema yang dibincangkan adalah hampir sama iaitu mengenai usaha mewujudkan perpaduan, di mana kita sekarang dan ke mana kita ingin bawa.

"Saya ingin letakkan satu cabaran untuk kita sama-sama kenal pasti perkara-perkara yang menghalang kita untuk mencapai perpaduan dan mencadangkan rangka tindakan baharu yang lebih berkesan.

"Saya berharap tahun hadapan jika kita mengadakan sesi wacana sekitar tema sama sekali lagi, yang perlu kita bincangkan ada-



Kalau bergaduh esok adakah keuntungan untuk negara ini, tapi kalau kita boleh agak dari awal, tidakkah bagus?"

SHAMSUL AMRI BAHARUDDIN
Timbalan Pengerusi MPN

lah Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi menilai adakah kita telah melaksanakan segala rangka tindakan itu.

"Cabaran ini saya buat kerana berdasarkan pengalaman sebelum ini, dari segi pelaksanaan yang sering menjadi masalah dan ada sahaja langkah yang tersandung," katanya.

Rata-rata barisan ahli panel wacana itu juga sependapat dengan Sayed Munawar bahawa masalah dari segi pelaksanaan adalah punca matlamat mewujudkan perpaduan gagal dicapai.

Pandangan ahli panel berkenaan boleh dianggap mewakili pelbagai kaum di negara ini memandangkan mereka ada yang berketurunan Melayu, Cina, India, Sikh dan etnik dari Sabah dan Sarawak.

Barisan ahli panel terbabit ialah Timbalan Pengerusi MPN, Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin; Ketua Kluster Sejarah, Warisan dan Sosiobudaya MPN, Prof. Datuk Dr. Teo Kok Seong dan Setiausaha Kluster Perpaduan Nasional MPN, Prof. Dr. P. Sivamurugan.

Turut terlibat ialah Pensyarah Kanan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Madya Dr. Awang Asri Awang Ibrahim; Pensyarah Kanan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Madya Dr. Madeline Berma dan Pensyarah UPM, Dr. Sarjit Singh Darshan Singh.

Antara komen menarik adalah daripada Shamsul Amri yang juga Pengerah Institut Kajian Etnik

(Kita) UKM yang mendedahkan organisasi itu tidak diberikan sebarang dana untuk membuat kajian sosial bagi menilai tahap perpaduan di negara ini, walaupun pihaknya telah membuat permohonan untuk mendapatkan peruntukan.

"Sekarang ini orang tak nampak penting kajian ini walaupun Kita adalah sebuah institut yang bertaraf kebangsaan.

"Kalau bergaduh esok adakah keuntungan untuk negara ini, tapi kalau kita boleh agak dari awal, tidakkah bagus? Mencegah adalah lebih baik daripada mengubati, ini macam kanser sudah tahap empat, apa nak buat," katanya.

Bercakap lebih lanjut, beliau menjelaskan keharmonian kaum yang wujud sekarang bukanlah perpaduan sebaliknya satu bentuk kesepaduan apabila setiap etnik bersetuju secara bersama untuk menerima dasar-dasar yang membabitkan bidang ekonomi, politik, budaya dan pendidikan.

Persetujuan itu tercapai setelah setiap kaum merasakan mereka mendapat habuan masing-masing.

"Perpaduan kaum di Malaysia belum wujud lagi, tapi ada apa yang kita sebut sebagai *moments of unity* (detik-detik perpaduan) yang tidak berpanjangan seperti ketika Datuk Lee Chong Wei melawan Lin Dan semasa Sukan Olimpik 2016 apabila semua kaum terpaku di kaca televisyen sehingga menyebabkan jalan raya di Kuala Lumpur kosong.

"Kita kena perbanyakkan detik-detik seperti ini. Perpaduan

boleh dicapai tetapi mengambil waktu. Jika dalam tempoh 54 tahun kita hanya mencapai kesepaduan, ini bermakna perpaduan tidak boleh menjadi kenyataan dalam tempoh pantas.

"Mungkin zaman anak, cucu atau cicit kita nanti baru boleh dicapai, tetapi usaha ke arah itu perlu dimulakan dari sekarang," ujarnya.

Dalam pada itu, Sarjit Singh berharap kerajaan memperbaiki kelemahan dalam pelaksanaan Rukun Tetangga kerana peruntukan yang diberikan bagi setiap persatuan penduduk terlalu sedikit hingga program itu tidak boleh dilaksanakan secara berkesan.

"Dana yang diberikan hanya RM6,000 setahun dan jumlah ini tidak mencukupi untuk menjalankan aktiviti di peringkat akar umbi," katanya.

Satu lagi cadangan menarik datangnya daripada Madeline supaya perpaduan yang wujud di negeri-negeri tertentu ditiru dan diperluaskan di seluruh Malaysia.

"Dari segi sosial, kami di Sabah dan Sarawak sangat bangga kerana sering dirujuk sebagai contoh dari segi perpaduan. Kami tidak mempunyai kedai India Muslim seperti di Semenanjung (yang dikunjungi pelbagai kaum) tetapi penduduk pelbagai etnik tiada masalah untuk makan dan minum di kedai kopi Cina.

"Tradisi sama saya dapati wujud di Kelantan dan Terengganu apabila orang Melayu mengunjungi restoran Cina kerana turut dijual di situ makanan halal.

"Satu lagi keunikan di Sarawak yang boleh ditiru adalah kebanyakan pesta kami bukan bersifat keagamaan, tapi pesta budaya, sebab itu disertai pelbagai etnik," katanya.

Sebenarnya banyak idea baharu yang dilontarkan ketika sesi wacana berkenaan. Bagaimanapun, persoalannya adakah cadangan itu diberi perhatian serius oleh pihak berkaitan untuk dilaksanakan?